

Asal Usul Beberapa Kata Pinjaman dalam Bidang Kesetiausahaan

Kesetiausahaan merupakan bidang yang baharu dalam budaya masyarakat Melayu. Kata *secretary* (setiausaha) muncul sekitar akhir abad ke-14 dengan maksud "orang yang diamanahkan dengan rahsia" daripada kata Latin, *secretarius* (*Online Etymology Dictionary*). Di negara kita, konsep tersebut diperkenalkan apabila British memulakan pentadbiran negara kita. Antara kamus terawal yang mencatatkan kata setiausaha sebagai padanan bagi *secretary* termasuklah *Kamus Wilkinson* (1955). Bidang ini menjadi semakin penting dewasa ini memandangkan keperluannya dalam perniagaan dan pengurusan sesuatu pejabat atau jabatan.

Kesetiausahaan ditakrifkan sebagai segala urusan yang berkaitan dengan tugas atau profesion setiausaha (*Glosari Kesetiausahaan*, 1993). Kerja-kerja kesetiausahaan melibatkan pelbagai aktiviti untuk memastikan perjalanan sesuatu pejabat atau jabatan licin dan lancar. Sementara itu, setiausaha ditakrifkan sebagai orang yang menulis surat dan menyimpan rekod untuk seseorang, syarikat, kelab, atau seumpama itu (*The World Book Dictionary*, 1993).

Glosari Kesetiausahaan pula menerangkan kerjaya setiausaha lebih tuntas lagi seperti yang berikut: "pembantu eksekutif yang mempunyai kemahiran dalam pengurusan pejabat, berkebolehan menjalankan tugas dan tanggungjawab tanpa arahan dan penyeliaan dan menunjukkan daya utama serta berkebolehan membuat keputusan dalam bidang kuasa yang diberikan". Definisi tersebut menerangkan bahawa tugas seorang setiausaha

meliputi kerja-kerja perkeranian dan fungsi pengurusan yang lazim, termasuk mendraf surat-surat, menetapkan temu janji, menguruskan fail yang termasuk fail kertas dan elektronik, serta membekalkan maklumat kepada mereka yang membuat panggilan telefon.

Jelaslah bahawa orang yang penting dalam hal kesetiausahaan ialah setiausaha, iaitu kakitangan yang bertanggungjawab untuk menguruskan pejabat atau

pertubuhan atau syarikat, terutamanya hal urusan surat-surat, menyimpan rekod dan kerja-kerja perkeranian. Pegawai ini memainkan peranan penting untuk membantu ketua jabatan, pertubuhan atau syarikat mentadbirkan dan menguruskan pejabatnya dengan baik.

Dalam pengurusan pejabat, terdapat beberapa istilah penting dalam bidang kesetiausahaan. Sebilangan istilah atau kata pula didapati dipinjam daripada bahasa Inggeris untuk memperkatakan bidang kesetiausahaan dengan berkesan. Antaranya termasuklah kata pinjaman yang berikut, **agenda**, **draf**, **edit**, **fail**, **format**, **manuskrip**, **transkripsi**, **taip** dan **teks**.

Agenda (*agenda*)

Agenda amat penting apabila sesuatu mesyuarat dijalankan. Agenda disediakan untuk memastikan sesuatu mesyuarat berjalan dengan lancar. Agenda dapat difahami sebagai senarai perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat rasmi (*Glosari Kesetiausahaan*, 1993). Sebelum sesuatu mesyuarat diadakan, setiausaha akan menyediakan agenda yang menjadi susunan perkara yang dikemukakan untuk dibahaskan dalam mesyuarat yang bakal diadakan.

Kata **agenda** bukanlah kata asli Melayu. Dari manakah datangnya kata **agenda**? Dalam *Kamus Dewan* (1970), kata tersebut dijelaskan sebagai kata pinjaman Indonesia-Belanda (IB), *agenda* dengan mendukung maksud acara (yang dibicarakan dalam mesyuarat). Kata **agenda** dipinjam bulat-bulat daripada Indonesia-Belanda dan didapati digunakan dengan maksud yang sama, seperti dalam bahasa Inggeris, "A list of items

to be discussed at a formal meeting" (*Oxford English Dictionary*).

Kata **agenda** pertama kali dicatatkan dalam *Kamus Dewan* (1970) dengan maksud acara. Dahulu, kata daftar acara digunakan sebagai padanan bagi kata agenda, seperti yang dijelaskan dalam *Kamus Winstedt* (1965). Namun demikian, apabila diteliti asal usul kata agenda, didapati kata tersebut sebenarnya berasal daripada kata Latin *agendum* yang bermaksud "hal yang perlu dilakukan", seawal abad ke-17 dalam bahasa Inggeris (*Online Etymology Dictionary*). Kata **agenda** mula digunakan dengan pengertian "item perbincangan dalam mesyuarat" mulai tahun 1882 dalam bahasa Inggeris.

Draf (*draft*)

Umumnya, draf dalam konteks kesetiausahaan difahami sebagai salinan kasar atau tulisan awal. Draf tersebut biasanya akan dihalusi dan dibaiki sebelum dicetak atau ditaip untuk diedarkan. *Glosari Kesetiausahaan* (1993) mendefinisikan **draf** sebagai hasil kerja permulaan dalam penaipan yang mungkin memerlukan perubahan yang perlu ditaip berulang kali.

Kata **draf** dalam bahasa Melayu dipinjam daripada kata Inggeris, *draft*. Kata **draf** merupakan varian kata bagi kata Inggeris *draught*. Dalam Inggeris Amerika, *draught* membawa maksud "salinan kasar sesuatu tulisan". Sebenarnya, kata *draft* berasal daripada kata Jerman, *dragan* yang bermaksud melukis (Ayto, *Word Origins*, 2005).

Kata **draf** pertama kali dimasukkan dalam *Kamus Dewan* (1984) sebagai kata pinjaman Inggeris dengan maksud "karangan atau tulisan (seperti


surat, makalah, dan sebagainya) yang mula-mula ditulis dan perlu disemak sebelum disalin semula (atau dicetak, dan sebagainya)".

Kini, kata **draf** bukan sahaja digunakan sebagai istilah dalam bidang kesetiausahaan, malah dalam bidang lain, seperti ekonomi, kejuruteraan, komputer dan komunikasi. Demikianlah draf menjadi istilah penting dalam beberapa bidang dalam bahasa Melayu, termasuk dalam bidang kesetiausahaan. Selain itu, terdapat beberapa kata generik bagi **draf**, seperti **draf awal**, **draf bank**, **draf kasar** dan **draf rantai**.

Edit (*edit*)

Antara tugas penting seorang setiausaha atau mereka yang terlibat dalam kerja-kerja perkeranian termasuklah kerja penyuntingan atau pengendalian surat atau dokumen-dokumen lain. Dalam bahasa Melayu, pada awalnya kata **sunting** digunakan untuk merujuk kerja-kerja mengedit. *Kamus Wilkinson* (1955) memberikan kata **sunting** sebagai padanan kata **edit**. Namun demikian, kata **edit** menjadi popular sekarang dalam bidang kesetiausahaan. Kata **edit** dipinjam secara total daripada kata Inggeris, *edit*. Pertama kali **edit** dimasukkan dalam *Kamus Dewan* (1994) yang mentakrifkannya sebagai menyunting (karangan, buku, dan sebagainya).

Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016) pula mentakrifkan **edit** sebagai "mengedit atau membaiki sesuatu karangan dan lain-lain", dan "menyunting". Walau bagaimanapun, kata **edit** sebenarnya berasal daripada kata Latin, *editus* yang bermaksud "memberikan, menerbitkan" (Ayto, 2005). Kata tersebut kemudian masuk ke dalam bahasa Inggeris



Language - DBP

Pg - 12 - 15



pada akhir abad ke-18. Namun, kata **edit** mula digunakan secara meluas dalam bahasa Melayu sekitar 1990-an sebagai kata alternatif bagi kata sunting berdasarkan entri kata tersebut dalam *Kamus Dewan* pada tahun 1994. Kata **edit** juga digunakan dalam bidang-bidang lain seperti teknologi maklumat, pendidikan, dan perpustakaan dengan mendukung makna yang khusus dalam bidang berkenaan.

Fail (*file*)

Fail merupakan dokumen yang amat penting dalam pejabat atau jabatan. Semua dokumen yang penting dan sulit lazimnya disimpan di dalam fail. Kemudian, semua fail disimpan secara tersusun di dalam almari atau rak yang selalunya dalam keadaan berkunci. *Glosari Kesetiausahaan* (1993) mentakrifkan fail sebagai tempat menyimpan surat dan dokumen lain secara tersusun. Walaupun kata fail sudah amat lazim dalam kalangan kita, namun kata tersebut bukanlah kata asli Melayu. Kata fail sebenarnya dipinjam daripada kata Inggeris, *file*. Salah satu maksud *file* ialah

"any of several different types of container used to store papers, letters, and other documents in an ordered way, especially in an office (Cambridge Online Dictionary)".

Apabila dijejaki asal usul kata *file*, didapati kata tersebut berasal daripada kata Perancis, *filum* yang membawa maksud suatu jalur (thread) (*Oxford Concise Dictionary of English Etymology*, 2003). Maksud **fail** sebagai susunan kertas mula digunakan sejak tahun 1620-an. Kata **fail** pertama kali dicatatkan dalam *Kamus Dewan* (1970) dengan maksud tempat menyimpan surat dan lain-lain secara tersusun. Sebelum itu, konsep **fail** dijelaskan sebagai "semat, menyemat, lekatkan", dan "mengelat" (*Kamus Winstedt*, 1965).

Sudah tentu maksud yang diberikan dalam *Kamus Winstedt* tidak dapat menerangkan konsep *file* dengan lengkap. Oleh hal yang demikian, wajarlah kata **fail** dipinjam daripada bahasa asing untuk menerangkan konsep tersebut dengan jelas. Kini, kata **fail** pula mendukung maksud yang tertentu dalam beberapa bidang lain, seperti kejuruteraan, komputer, perpustakaan dan perniagaan pentadbiran.

Format (*format*)

Format merujuk bentuk tertentu sesuatu dokumen (*Glosari Kesetiausahaan*). Semua dokumen ada bentuk yang tertentu dan tugas setiausaha adalah untuk memastikan dokumen tersebut ditaip atau dicetak mengikut format yang tertentu. Misalnya, surat atau dokumen yang ditaip perlu ada pengenalan, isi dan penutup. Demikian juga ada gaya tertentu untuk menulis surat kepada klien atau pejabat lain dan juga surat aduan atau surat jemputan. Hal-hal yang seumpama ini termasuk dalam format.

Menurut *Online Etymology Dictionary*, kata **format** berasal daripada kata Perancis *format*, yang bermaksud bentuk dan saiz (sesuatu buku). Kata **format** dalam bahasa Melayu dipinjam secara langsung daripada kata Inggeris *format*. Pada masa dahulu, konsep **format** dijelaskan sebagai rupa bentuk (*Kamus Winstedt*, 1965). Pertama kali kata **format** digunakan dalam *Kamus Dewan* (1970) sebagai kata pinjaman IB untuk menjelaskan ukuran (kertas, buku dan lain-lain). Walau bagaimanapun, kini kata **format** diberikan takrif yang lengkap seperti yang berikut dalam *Kamus Dewan* (2016) sebagai "bentuk dan rupa serta ukuran tertentu sesebuah naskhah yang dicetak", dan "gaya atau susunan sesuatu rancangan penerbitan". Takrifnya menunjukkan ada dua maksud bagi kata format.

Taip (*type*)

Salah satu aktiviti penting yang dilakukan setiausaha ialah kerja menaip. Tahukah anda bahawa kata **taip** bukan kata asli Melayu? Kata ini sebenarnya berasal daripada kata Inggeris, *type* dan

sudah lama digunakan sehingga kebanyakan orang tidak menyedari bahawa kata tersebut merupakan kata pinjaman. *Kamus Winstedt* (1965) menerangkan **taip** sebagai mengetek pada mesin ketek (mesin taip).

Pertama kali, kata **taip** dicatatkan dalam *Kamus Dewan* (1970) sebagai kata pinjaman Inggeris dengan mendukung maksud menulis dengan mesin taip. Kini, maksud **taip** dijelaskan lebih lanjut lagi dalam *Kamus Dewan* (2016) sebagai menaip pada mesin taip, komputer, dan sebagainya. Hal ini menerangkan bahawa kerja menaip bukan sahaja dilakukan pada mesin taip sekarang, malah boleh dilakukan pada komputer selaras dengan kemajuan teknologi.

Apabila diteliti asal usul kata tersebut, didapati kata *type* berasal daripada kata Latin *typus* yang bermaksud "figura, imej, bentuk, atau jenis" (*Online Etymology Dictionary*). Menurut Ayto, kata **taip** digunakan dengan maksud "printing block with a letter on it" bermula abad ke-19. Kini, kerja menaip bukan sahaja dilakukan oleh setiausaha, malah oleh kebanyakan orang untuk kerja-kerja mereka, termasuk pegawai kerajaan, bank, guru dan pelajar sendiri. Demikianlah kini kata **taip** menjadi kata penting dalam dunia kerana tugas yang melibatkan kerja menaip, khususnya penggunaan komputer yang melibatkan sebahagian besar masyarakat hari ini.

Teks (*text*)

Dalam konteks umum, teks diertikan sebagai bahan yang tertulis untuk dijadikan sebagai dasar untuk memberi pelajaran (ceramah, dan lain-lain) (*Kamus Pelajar*, 2016). Teks juga bersinonim dengan skrip, manuskrip,

naskhah dan dokumen (*Kamus Dewan*, 2016). Dalam bidang kesetiausahaan pula, **teks** difahami sebagai perkataan, ayat, perenggan atau kenyataan kewangan yang menjadi bahan dokumen (*Glosari Kesetiausahaan*). Hal yang sedemikian ini menunjukkan **teks** dalam bidang kesetiausahaan mendukung pengertian khusus.

Kata **teks** pertama kali dimasukkan dalam *Kamus Dewan* (1970) sebagai kata pinjaman Inggeris dengan beberapa entri makna kata-kata asli oleh pengarangnya (bukan terjemahan, ulasan, ringkasan dari asalnya); petikan daripada sesebuah kitab suci (yang dijadikan bahan rujukan, dan lain-lain); kandungan buku yang utama (tidak termasuk catatan dan lain-lain); tulisan yang dijadikan pokok syarahan, dan lain-lain. Kata **teks** bukan sahaja digunakan dalam bidang kesetiausahaan, malah dalam beberapa bidang lain termasuk komputer, kesesasteraan, perpustakaan, teknologi maklumat, dan sebagainya. Dalam bidang kesetiausahaan, **teks** digunakan dengan pengertian yang khusus.

Menurut Ayto, kata **teks** sebenarnya berasal daripada kata Latin purba *texere* yang bermaksud tenun. Bahasa Inggeris meminjam kata ini daripada kata Perancis Purba, *textus* (bermaksud bahan yang ditunen). Dalam peredaran masa, teks telah memperolehi pelbagai makna. Antara yang terbaharu termasuklah teks diperluas menjadi **teks digital** bermula tahun 2005 (*Online Etymology Dictionary*). Sekarang, kebanyakan pengguna telefon bimbit sudah amat lazim dengan kata teks jenis ini ekoran perkembangan teknologi. Demikianlah sesuatu perkataan memperolehi makna tambahan dalam peredaran zaman.

Transkripsi (*transcription*)

Dalam konteks umum, transkripsi membawa maksud skrip atau teks yang penuh berdasarkan catatan trengkas atau daripada rakaman ucapan. Salah satu tugas setiausaha ialah kerja transkripsi, iaitu menyalin gurisan trengkas ke dalam bentuk perkataan (*Glosari Kesetiausahaan*). Kata **transkripsi** dipinjamkan oleh bahasa Melayu daripada kata Inggeris *transcription*. Kata tersebut dimasukkan dalam *Kamus Dewan* (1984) dengan catatan sebagai kata pinjaman Inggeris (lg) serta diberikan maksud bahan bertulis (seperti nota, ucapan, dan sebagainya) atau bahan lisan yang ditulis (ditaip, dicetak dan sebagainya). Pada masa dahulu, kata *transcribe* diberikan maksud salin atau menyalin (*Kamus Winstedt*, 1965). Jelaslah bahawa maksud yang diberikan tidak dapat menerangkan konsep *transcribe* dengan jelas.

Oleh hal yang demikian, kata **transkripsi** dipinjam untuk dijadikan istilah bahasa Melayu sekitar tahun 1980-an. Namun, apabila disusurjalurkan kata **transkripsi**, didapati kata ini sebenarnya berasal daripada kata Latin *transcriptio* sekitar tahun 1590-an (*Online Etymology Dictionary*). Kata tersebut menjadi *transcribe* apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Inggeris. Bahasa Melayu meminjam kata tersebut dengan sedikit penyesuaian ejaan lalu menjadi **transkripsi**.

Demikianlah huraian asal usul beberapa kata pinjaman dalam bidang kesetiausahaan yang sudah digunakan secara luas sekarang. Kemasan kata-kata pinjaman tersebut telah membolehkan bahasa Melayu untuk memerihalkan bidang kesetiausahaan dengan lebih berkesan. Peminjam ini dilakukan memandangkan ketiadaan konsep berkenaan dalam bahasa Melayu. DB